

Kempen singkat elak ketegangan

GEORGETOWN, Ahad — Masa berkempen dalam pilihanraya umum kali ini tidak boleh terlalu panjang kerana ia boleh menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, masa 10 hari yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk parti politik berkempen dalam pilihanraya umum kali ini adalah mencukupi dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

"Sebenarnya kempen pilihanraya sudah lama berjalan. Malah, parti pembangkang sejak 1987 sudah berkempen di merata tempat. Kalau dua tahun berkempen tapi orang tak faham juga, susahlah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Jawatankuasa Umno Balik Pulau di sini, hari ini.

Beliau menolak dakwaan pembangkang kononnya tem-

poh 10 hari yang ditetapkan oleh SPR untuk berkempen menguntungkan kerajaan.

SPR menetapkan Khamis ini sebagai hari penamaan calon manakala pengundian pada 20 dan 21 Oktober.

"Kempen pilihanraya kalau panjang-panjang nanti menimbulkan ketegangan. Orang tak boleh kerja lain, nampak pilihanraya saja. Cepat selesai, senang.

"Lihat saja pilihanraya 1969. Tempoh kempen yang panjang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum," katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak mahu peristiwa seperti itu berulang.

Mengenai dakwaan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, kononnya akhbar di negara ini tidak memberi liputan yang adil kepada parti pembangkang, beliau berkata:

"Saya nak tanya Harakah dan Rocket, boleh tak mereka buat liputan yang adil terhadap kerajaan?"